THE TITAN

29 MEI 2022 | BIL: 10
www.richworks.com

RICHWORKS™
Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

Industry ***View***
AWAS ANCAMAN SCAMMER

ARINNA

KERONGSANG DAN BUTANG BAJU MELAYU MENAWAN

DARI PASAR MALAM KE PEMBORONG KERONGSANG

BERNIAGA PASAR MALAM

Anak kelahiran Alor Setar, Kedah Ng Ee Nee, memulakan perniagaan menjual kerongsang di pasar malam di Pulau Pinang.

"Saya ambil stock di Petaling Street, Kuala Lumpur. Susah masa tu, naik bas pukul 12 malam. Sampai Kuala Lumpur sekitar 3 pagi.

"Saya terpaksa bermalam di Pudu Raya. Tak ada duit nak duduk hotel," kongsinya.

Menurut Ee Nee, apabila kedai dibuka pada jam 8 pagi, beliau akan bergegas untuk mengambil stok.

"Sebab dah ambil barang kejar nak balik pukul 3 petang, supaya saya sempat berniaga di pasar malam di Pulau Pinang pada pukul 8 malam. Makan pun dalam bas.

"Untuk cari tempat, booking tempat. Kalau tak orang lain ambil. Masa tu memang tak senang. Sekali datang saya ambil 8 hingga 9 bag besar, satu orang kena angkat, jalan kaki," jelasnya.

Tegas Ee Nee, pengurusan masa sangat penting.

JURUTERA MUDA KUMPUL DUIT

Memiliki Sarjana Muda Fizik dan Elektronik pada 2001, Ee Nee diterima bekerja sebagai jurutera di sebuah kilang di Pulau Pinang.

Setelah 6 bulan bekerja, beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja.

"Bermodal RM 6,000 hasil saya kumpulkan duit gaji dalam 6 bulan tersebut lepas tolak perbelanjaan. Saya cadang untuk memulakan perniagaan walaupun secara kecil-kecilan dengan menjual aksesori perempuan di pasar malam.

"Walaupun perniagaan saya kecil, saya menggelarkan diri saya perniagaan pasar malam degree. Walaupun saya berniaga di pasar malam. Saya suka dengan saya punya perniagaan," katanya.

Tambah Ee Nee, ayahnya juga merupakan seorang usahawan yang menjalankan perniagaan telefon bimbit dan memiliki francais utama CityLink di Sungai Petani, Kedah.

"Ayah dah meninggal, saya tak teruskan bisnes dia. Saya mulakan sendiri," katanya yang cintakan perniagaan sejak di bangku sekolah.

"Saya berniaga sejak darjah satu. Saya pelajar yang rajin dan dapat pencapaian yang baik di sekolah.

Saya juga suka menyertai pertandingan melukis, bercerita, ping pong dan peperiksaan sekolah saya dapat nombor satu," katanya.

Ee Nee yang tinggal bersama nenek dan ibu saudara akan diberi hadiah apabila memperoleh kejayaan.

"Bila saya dapat kejayaan mereka akan beri hadiah. Mana yang saya tak guna, saya cuba jual semula kepada rakan di sekolah. Saya memang minat berniaga," ujarnya.

KEDAI BORONG

Mengimbau waktu menuntut di universiti, Ee Nee mengambil keputusan untuk membotakkan

"TUNJUK AJAR DR AZIZAN TAK TERNILAI, NASIHATKAN SAYA SUPAYA FOKUS UNTUK JADI PEMBEKAL KEPADA PENIAGA YANG NAK KELUARKAN JENAMA SENDIRI."

rambutnya bagi mengatasi tabiat mencabut rambut.

Akhirnya, beliau memakai anak tudung. Tetapi anak tudung itu dilengkapi dengan aksesori seperti kerongsang dan sepit yang cantik.

"Semenjak itu, saya nampak kreativiti saya terhadap aksesori tersebut.

"Orang Islam pakai anak tudung ada kain tudung. Saya tak ada, elak nampak pelik, saya perlukan sesuatu.

"Jadi daripada situ saya nampak kreativiti saya untuk reka aksesori itu," katanya.

Ee Nee juga bertuah pada 2004, bapa saudaranya membantu beliau mengembangkan perniagaan.

"Bapa saudara saya sudi memberi modal RM 80,000. Jadi saya mulakan perniagaan borong di Pulau Pinang.

"Saya ambil stock di China, perniagaan saya semakin besar dari pasar malam ke kedai borong,"jelasnya.

Seterusnya, Ee Nee membuka 5 cawangan kedai menjual aksesori dari 2005 hingga 2008.

KERONGSANG BERKUALITI

Berkahwin dengan jejaka dari China memberi peluang kepada beliau untuk memiliki kilang kerongsang sendiri di negara itu.

"Kerongsang untuk pasaran di Malaysia memerlukan jarum yang tajam dan baik bagi mengelakkan material pakaian dan kain tudung rosak.

"Jadi saya nampak ada peluang di situ untuk menghasilkan kerongsang yang sesuai dengan keperluan di Malaysia," katanya.

Jelas Ee Nee, harga kain tudung dan pakaian jauh lebih mahal. Sesuatu yang menyedihkan apabila pakaian atau kain tudung tersebut dirosakkan oleh kerongsang yang harga jauh lebih murah.

Seterusnya Ee Nee meluaskan perniagaan dengan melakukan jualan borong kepada pemborong.

"Jika beli kerongsang di China tak semestinya sesuai dengan pasaran di Malaysia. Saya menawarkan kerongsang untuk dijual pada jenama sendiri juga," katanya lagi.

PAPAN IKLAN TIMBUL TANDA TANYA

Papan iklan yang banyak di sepanjang lebuh raya membuatkan ramai tertanya-tanya apakah kehebatan usahawan berkenaan sehingga mampu memasarkan produknya?

Bagi pengasas Arinna Accessories Sdn Bhd, Ng Ee Nee, persoalannya terjawab selepas menyertai program Zero Kos Marketing Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman.

"Saya berulang-alik dari Alor Setar, Kedah ke Kuala Lumpur saya cakap dengan suami saya hairan ada berpuluh papan iklan jenama yang sama.

"Saya pernah tanya harga untuk papan iklan berkenaan bukan murah sehingga ratus ribu ringgit setahun," katanya.

Akhirnya, beliau mencari maklumat mengenai pengasas produk yang mengiklankan produk mereka di papan iklan sepanjang lebuh raya itu.

"Saya rasa sangat teruja nak tahu apa yang mereka lakukan, saya cari dan dapat tahu mereka anak didik kepada Dr Azizan.

"Saya sembang dengan suami, dulu papan iklan jenama luar negara seperti Panasonic dan yang kita kenal sahaja tetapi sekarang sudah bertukar.

"Saya tengok semua jenama tempatan yang diusahakan orang Melayu yang mampu bayar papan iklan walaupun kos tinggi," katanya lagi.

Mengulas lanjut, Ee Nee paling teruja dengan papan iklan Najib Assadok.

"Paling dasyat, papan iklan ada seorang lelaki berdiri segak tinggi apa pun tak ada cuma tulis Najib Assadok.

"Orang ini kaya sungguh, bagi nampak muka tak tahu jual apa, numbor telefon pun tak ada. Saya rasa sangat teruja nak tahu dia buat apa," jelasnya.

DAFTAR TITAN

Sewaktu menyertai Zero Kos Marketing pada 2020, Dr Azizan memaparkan results anak didiknya.

"Saat saya nampak figure itu saya mengeluh, suami saya kata itu tipu. Tetapi di Malaysia jika tipu sangat bahaya kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri akan kejar untuk bayar cukai.

"Lebih-lebih lagi sosial media sekarang, orang nak kecam pun boleh kecam," ujarnya.

Begitupun, beliau tidak berpuas hati dengan program percuma yang dianjurakan oleh RichWorks.

"Saya rasa saya nak lebih, mustahil RichWorks ini badan kebajikan. Saya mencari lagi maklumat lanjut mengenai RichWorks. Saya nak lagi cepat.

"Akhirnya saya menghubungi RichWorks dan mendaftar program Mentoring Titan," katanya.

PENCAPAIAN

Hasilnya, pada 2020 syarikat meraih jualan RM1.7 juta meningkat kepada RM2.1 juta pada tahun 2021 dan mensasarkan RM4 juta pada tahun 2022.

"Walaupun pada 2021 kerana perintah kawalan pergerakan (PKP) kedai buka on off.

"Tunjuk ajar Dr Azizan tak ternilai, nasihatkan saya supaya fokus untuk jadi pembekal kepada peniaga yang nak keluarkan jenama sendiri," ujarnya.

Selain peningkatan dalam perniagaan, Ee Nee juga semakin gembira dalam kehidupan.

"Saya punya mindset, keyakinan diri semakin bertambah. Saya boleh tidur dengan lena, bangun dengan bersemangat dan tahu nak buat apa," katanya walaupun menghidap barah otak.

4 NASIHAT NG EE NEE

PERTAMA, trust the proses dengan sabar.

"Walau sangat susah, terima proses yang kita lalui dengan sabar.

"Sabar dan harus buat, bukan sabar dan tunggu. Buat satu persatu. Sabar dan terima sesuatu adalah proses," kata Ee Nee.

KEDUA, lebih banyak penglibatan dengan pelanggan.

"Bersalaman dan bina hubungan baik dengan pelanggan. Ini antara ilmu yang Dr Azizan ajar juga.

"Apabila anda bina hubungan baik dengan pelanggan, pelanggan juga akan menghargai anda. Saya juga tak menyangka dengan penghargaan yang diberikan semula oleh pelanggan kepada saya.

"Saya pernah menerima baju yang penuh dengan batu Swarovski daripada pelanggan berbangsa Melayu, saya rasa sangat terharu dan tak tahu nak kata macam mana," kongsinya.

KETIGA, perniagaan perlu ada perancangan yang tepat dan jelas.

"Bila kita ada jadual, kita akan buat yang terbaik dan akan ada lebih masa bersama keluarga dan insan tersayang.

"Saya boleh berkebun, tengok bunga dan buat perkara yang saya suka. Dulu balik rumah pun saya masih pening dengan kerja sebab kita tak ada planning," katanya.

KEEMPAT, terima keadaan secara positif.

"Jangan ego apabila dah capai kejayaan. Apabila kita jatuh jangan putus asa, sabar dan beranikan diri. Berfikiran positif," katanya.

RICHWORKS™
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

10X BINA BISNES BERJAYA 2022

Live Event

BANGKIT BISNES DARI KRISIS

4-5 Jun 2022
Setia City Convention Centre

Bersama
DATUK WIRA
DR AZIZAN OSMAN

* *Program Ini Bernilai **RM10,997***
100% Tajaan Dari RichWorks

DAFTAR SEKARANG!
www.BinaBisnesBerjaya.com

AWAS! ANCAMAN SCAMMER

Jangan leka, scammer berada di mana-mana dan bila ada saja peluang mereka akan mula menjalankan kerja-kerja tidak bertanggungjawab itu.

Tahukah anda, sejumlah RM2.23 billion kerugian direkodkan dalam tempoh lima tahun akibat jenayah siber di negara ini.

Bahkan ancaman siber dan penipuan online didapati meningkat pada kadar yang membimbangkan.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman melaporkan nilai kerugian di seluruh negara membabitkan 2,239 kes penipuan scammer sebanyak RM72.1 juta dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Jumlah itu menunjukkan sebahagian daripada rakyat kita masih terdedah dengan ancaman serta mudah terpedaya oleh scammer walaupun menggunakan modus operandi sama seperti telah didedahkan polis sebelum ini.

Modus operandi scammer ini boleh dikatakan hampir sama dengan menyamar sebagai pihak berkuasa sama ada polis, kastam, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) dan sebagainya.

KESEDARAN INI DIPERLUKAN AGAR KITA DAPAT BUAT KEPUTUSAN YANG TEPAT BILA DIHUBUNGI OLEH SCAMMER BERKENAAN. JANGAN TERUS MELAKUKAN TINDAKAN, BERHENTI SEJENAK TARIK NAFAS DAN FIKIRKAN ADAKAH IA MENCURIGAKAN ATAU TIDAK.

Walaupun boleh dikatakan selalu laporan berita dikeluarkan mengenai mangsa penipuan di seluruh negara, masih ramai yang terpedaya dengan taktik 'telefon dan ugut' sindiket scammer.

Mangsa yang terpedaya sanggup mendedahkan maklumat perbankan hingga memindahkan sejumlah wang yang diminta tanpa melihat secara teliti terlebih dahulu.

SIAPAKAH MANGSA SCAMMER?

Mangsa scammer terdiri daripada pelbagai latarbelakang. Bukan hanya mereka yang berusia atau tak ada pendidikan yang baik saja diperdaya malah mereka bijak pandai seperti pegawai kakitangan awam dan swasta, guru, doktor dan sebagainya.

Tahukah anda, doktor, guru, jurutera dan akauntan merupakan antara kelompok profesional yang sering kita dengar menjadi mangsa scammer termasuk membabitkan nilai kerugian yang agak besar.

Mengikut rekod pihak berkuasa, lebih 60 peratus mangsa yang diperdaya golongan scammer menyamar sebagai polis, pegawai LDHN, Bank Negara Malaysia (BNM) atau kastam membabitkan golongan profesional dan ahli politik termasuk T20 iaitu golongan dengan pendapatan isi rumah melebihi RM10,971 sebulan.

Berdasarkan statistik didedahkan, timbul persoalan kenapa masih ramai yang tidak belajar daripada semua pendedahan dibuat selama ini serta sukar menerima dan memahami segala nasihat diberikan.

Adakah platform yang digunakan bagi untuk mencapai kepada semua orang terutama rakyat negara ini masih tidak cukup? Apakah lagi yang boleh dilakukan untuk mengurangkan lagi kes ditipu scammer ke tahap paling rendah?

Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan agensi berkaitan telah melakukan tugas mereka, dalam mendidik malah mengambil tindakan terhadap sindiket penipuan berkenaan. Progam kesedaran pastinya akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Namun apa yang paling penting adalah diri kita sendiri. Masing-masing perlu lebih peka dan sensitif terhadap ancaman scammer yang sentiasa mencari ruang dan peluang untuk memperdayakan orang ramai bagi mendapatkan wang dengan cara mudah.

Contohnya, rajin membaca akhbar atau portal berita online yang boleh dikatakan selalu mengeluarkan laporan penipuan siber seperti kes Love Scam, Macau Scam, Parcel Scam, menyamar sebagai kenalan anda, memasukkan dalam group Telegram untuk menipu dengan aktiviti pelaburan tak sah dan lain-lain.

Kesedaran ini diperlukan agar kita dapat buat keputusan yang tepat bila dihubungi oleh scammer berkenaan. Jangan terus melakukan tindakan, berhenti sejenak tarik nafas dan fikirkan adakah ia mencurigakan atau tidak.

Pastinya kita tidak mahu scammer ini terus berleluasa dan menipu orang ramai terutama mereka yang sudah berusia ataupun duit yang disimpan hasil titik peluh sendiri.

Jangan ambil sambil lewa, tingkatkan pemahaman dan maklumat tentang taktik mereka supaya mulai sekarang kita lebih bersedia dan tidak lagi mudah tertipu.

BERANIKAN DIRI

Jika anda diugut dan didesak untuk buat pembayaran atau pemindahan wang dan sebagainya, jangan terus lakukannya meskipun individu berkenaan mengatakan daripada pihak berkuasa.

Beranikan diri, semak terlebih dulu dengan berhubung terus dengan pihak atau agensi berkenaan.

Umpama dalam bisnes, dapatkan ilmu dan strategi terbukti dari Mentor agar anda lebih bersedia untuk membina bisnes yang berjaya dan tidak kecundang dalam perniagaan.

Bahkan, anda juga perlu berjaga-jaga ketika melakukan urusan secara online. Jangan klik pada pautan yang tak diketahui dan mencurigakan kerana maklumat dan identiti anda boleh diperolehi oleh penjenayah siber.

Moga perkongsian ini, dapat meningkatkan kesedaran dan kewaspadaan kita seterusnya mengelakkan diri malah keluarga daripada ditipu scammer.

RICHWORKS™
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

INTENSIF
MAGNET
KEKAYAAN &
KEJAYAAN
SEJAK 2009

INTENSIF MAGNET KEKAYAAN & KEJAYAAN

Jalan untuk berjaya

Program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan adalah program 3 hari dan merupakan satu-satunya program bertaraf antarabangsa yang diinspirasikan oleh MenThor Usahawan Jutawan #1 Asia Datuk Wira Dr Azizan Osman

DAFTAR KEJAYAAN ANDA SEKARANG!

richworks.com/imkk

Eksklusif & Terhad!



SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL

Panduan & strategi yang PROVEN diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu BANGKIT semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.

REAL PEOPLE, REAL BUSINESS, REAL RESULTS!

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan HADIAH dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **2,000** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~
~~Harga Promosi RM49.90+ Caj Penghantaran~~
KINI ---> **PERCUMA** + Caj Penghantaran

Dapatkan PERCUMA sekarang di: richworks.com/bukubangkit

RICHWORKS™

THE TITAN

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.